



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DAN BENCANA BANJIR DI MALAYSIA 11 JANUARI 2022

1. SITUASI SEMASA COVID-19

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 11 Januari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **2,977 kes** (2,720,399 kes kumulatif, 97.4%)
- Kes baharu : **3,175 kes** (2,792,035 kes kumulatif);
- Kes import : **272 kes** (224 warganegara; 48 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **2,903 kes** [2,745 warganegara (94.6%); 158 bukan warganegara (5.4%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **229 kes** (200 kes disahkan COVID-19; 29 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **99 kes** (68 kes disahkan COVID-19; 31 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Jumlah kluster : **6,176 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **5,998 kluster**;
- Jumlah kluster aktif : **178 kluster**.

Daripada **3,175 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **60 kes (1.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **3,115 kes (98.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai RT mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

**JADUAL 1: NILAI R_T MENGIKUT NEGERI
BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN
PADA 10 JANUARI 2022**

NEGERI	NILAI R_T
WP LABUAN	1.16
WP KUALA LUMPUR	1.08
SABAH	1.06
MELAKA	1.04
WP PUTRAJAYA	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.01
KEDAH	1.00
SELANGOR	1.00
PAHANG	0.99
JOHOR	0.96
PULAU PINANG	0.95
KELANTAN	0.94
PERLIS	0.92
PERAK	0.92
TERENGGANU	0.87
SARAWAK	0.85
MALAYSIA	0.98

2. SITUASI SEMASA BENCANA BANJIR

Sehingga jam 3 petang 11 Januari 2022, KKM juga ingin memaklumkan:

- Jumlah Pusat Perpindahan Sementara (PPS) yang masih beroperasi - **38 PPS** [Johor (34), Pahang (1), dan Melaka (3)];
- Jumlah negeri dilanda banjir - **Tiga (3)** (Pahang, Melaka, dan Johor);
- Jumlah keseluruhan mangsa terjejas banjir - **2,287 orang**;
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di PPS - **15 kes** (tiada kes baharu hari ini);
- Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 dalam kalangan mangsa banjir - **470 kes** (tiada kes baharu hari ini); dan
- Jumlah kluster COVID-19 di PPS - **1 kluster** (tiada pertambahan kluster baharu hari ini).

Pada 11 Januari 2022, sebanyak **lapan (8) kes** penyakit berjangkit yang dikesan dalam kalangan mangsa banjir. Bilangan kes yang dilaporkan adalah seperti dalam **Jadual 2**:

Penyakit Berjangkit	Bilangan Kes	
	Semasa	Kumulatif
Jangkitan Saluran Pernafasan Akut (ARI)	4	1,504
Penyakit Kulit	2	620
<i>Acute Gastroenteritis</i> (AGE)	2	296
<i>Hand Foot & Mouth Disease</i> (HFMD)	0	6
Konjunktivitis	0	16
Jumlah	8	2,442

Jadual 2: Pecahan kes penyakit berjangkit yang melibatkan mangsa banjir pada 11 Januari 2022

KEJADIAN WABAK KERACUNAN MAKANAN (KRM) DI PPS SK PENGKALAN BESAR TANGKAK, JOHOR

Kejadian wabak keracunan makanan (KRM) dilaporkan berlaku di PPS SK Pengkalan Besar Tangkak, Johor yang melibatkan empat (4) daripada 63 orang mangsa banjir dan lima (5) petugas yang terdedah. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Tangkak telah menerima notifikasi pada 9 Januari 2022 dan kes telah disiasat pada hari yang sama. Kes berusia dalam lingkungan tiga (3) hingga 14 tahun. Tiga (3) dari empat (4) kes tinggal di ruang yang sama di PPS. Kesemua kes mempunyai gejala muntah, cirit birit, dan sakit perut.

Dua (2) kes dimasukkan ke wad di Hospital Tangkak, Johor pada 9 Januari 2022 dan telah discaj pada 10 Januari 2022. Manakala dua (2) kes lagi diberi rawatan pesakit luar. Hasil daripada siasatan awal menunjukkan *rating* premis dan pengendalian makanan di PPS adalah baik iaitu 92%. Pencemaran bukan disebabkan oleh penyediaan makanan di PPS sebaliknya berpunca dari *hygiene* pesakit sendiri dan makanan yang dibiarkan lama oleh pesakit.

Sebanyak satu (1) sampel makanan telah diambil bagi analisa lanjut. Tindakan telah diambil dengan memberi pendidikan kesihatan kepada pengendali makanan dan semua penghuni di PPS agar sentiasa menjaga kebersihan. Aktiviti kawalan dan pencegahan telah dijalankan oleh pihak PKD.

SITUASI DAN MAKLUMAT TERKINI MENGENAI MUTASI SPIKE PROTEIN COVID-19 DI MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa sebanyak **99 kes baharu** *Variant of Concern* (VOC) telah dilaporkan daripada 3 Januari 2022 sehingga 10 Januari 2022 dengan **91 kes baharu** varian Delta (B.1.617.2) dan **8 kes baharu** varian Omicron (B.1.1.529).

Universiti Kebangsaan Malaysia Medical Molecular Biology Institute (UMBI) telah mengenalpasti **48 kes baharu** VOC yang terdiri daripada 44 kes varian Delta (B.1.617.2) dan 4 kes varian Omicron (B.1.1.529) manakala *Malaysia Genome & Vaccine Institute (MGI)* telah mengenalpasti **47 kes baharu** VOC iaitu varian Delta (B.1.617.2). Selain itu, *Institute of Health and Community Medicine, Universiti Malaysia Sarawak (IHCM-UNIMAS)* telah mengenalpasti **3 kes baharu** VOC iaitu varian Omicron (B.1.1.529), manakala *Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM)* telah mengenalpasti **1 kes baharu** VOC iaitu varian Omicron (B.1.1.529).

Lapan (8) kes baharu varian Omicron yang dilaporkan terdiri daripada enam (6) kes jangkitan import dengan lima (5) kes jemaah umrah dari Arab Saudi dan satu (1) kes pengembara dari Turki, serta dua (2) kes jangkitan tempatan.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 yang dikategorikan sebagai VOC dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak **5,760 kes**. Daripada jumlah yang dikesan tersebut, **5,740 kes adalah VOC** manakala **20 kes adalah VOI**. Secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak;

- 5,240 kes varian Delta;
- 253 kes varian Omicron;
- 233 kes varian Beta; dan
- 14 kes varian Alpha

Manakala bagi kes-kes VOI, terdapat sebanyak;

- 13 kes varian Theta;
- Empat (4) kes varian Kappa; dan
- Tiga (3) kes varian Eta

Perincian kes-kes positif COVID-19 varian VOC dan VOI mengikut negeri, saringan, dan kluster adalah seperti di Lampiran 1 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

LAMPIRAN 1

**JADUAL 3 : KES-KES BAHARU POSITIF COVID-19
VARIAN VOC DAN VOI TEMPATAN DAN IMPORT
DARIPADA 3 JANUARI 2022 SEHINGGA 10 JANUARI 2022**

Negeri	VOC			VOI	Jumlah
	Delta B.1.617.2	Beta B.1.1351	Omicron B.1.1.529		
Johor	20	0	0	-	20
Sabah	18	0	0	-	18
Selangor	17	0	0	-	17
Negeri Sembilan	16	0	0	-	16
Melaka	8	0	4	-	12
WP Kuala Lumpur	9	0	0	-	9
Sarawak	0	0	3	-	3
WP Labuan	2	0	0	-	2
Kelantan	0	0	1	-	1
WP Putrajaya	1	0	0	-	1
Jumlah Keseluruhan	91	0	8	0	99

JADUAL 4: BILANGAN KES POSITIF COVID-19 DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT NEGERI SEHINGGA 10 JANUARI 2022

Negeri	VOC								VOI						Jumlah		Jumlah Keseluruhan
	Alpha		Beta		Delta		Omicron		Eta*		Kappa*		Theta*		Jumlah	Tempatan	
	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan	Import	Tempatan			
Sarawak	-	-	1	46	1	2,197	8	10	1	-	-	-	-	13	11	2,266	2,277
Selangor	2	6	-	55	19	622	81	3	-	-	1	-	-	-	103	686	789
Johor	-	-	-	10	4	350	16	-	-	-	3	-	-	-	23	360	383
Pulau Pinang	-	-	-	10	2	322	10	-	-	-	-	-	-	-	12	332	344
Sabah	-	3	-	12	2	285	1	-	-	-	-	-	-	-	3	300	303
WP Kuala Lumpur	3	-	-	9	27	172	32	-	2	-	-	-	-	-	64	181	245
Negeri Sembilan	-	-	-	4	5	214	9	-	-	-	-	-	-	-	14	218	232
Perak	-	-	-	17	2	196	13	-	-	-	-	-	-	-	15	213	228
Pahang	-	-	-	5	1	207	10	-	-	-	-	-	-	-	11	212	223
Kelantan	-	-	-	27	-	170	17	-	-	-	-	-	-	-	17	197	214
Kedah	-	-	-	14	2	133	13	4	-	-	-	-	-	-	15	151	166
Melaka	-	-	-	7	3	130	10	-	-	-	-	-	-	-	13	137	150
Terengganu	-	-	-	9	5	74	8	-	-	-	-	-	-	-	13	83	96
Perlis	-	-	-	4	-	34	7	-	-	-	-	-	-	-	7	38	45
WP Labuan	-	-	-	-	7	35	1	-	-	-	-	-	-	-	8	35	43
WP Putrajaya	-	-	-	3	1	18	-	-	-	-	-	-	-	-	1	21	22
Jumlah	5	9	1	232	81	5,159	236	17	3	0	4	0	0	13	330	5,430	5,760
	14		233		5,240		253		3		4		13		5,760		
Jumlah Keseluruhan	5,740								20						5,760		

**JADUAL 5 : BILANGAN KES POSITIF COVID-19
DENGAN VOC DAN VOI MENGIKUT SARINGAN / KLUSTER
BAGI SETIAP NEGERI SEHINGGA 10 JANUARI 2022**

Negeri	VOC								VOI					Jumlah		Jumlah
	Alpha		Beta		Delta		Omicron		Eta*	Kappa*		Theta*		Kluster	Sporadik	
	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik	Sporadik	Kluster	Sporadik	Kluster	Sporadik			
Sarawak	-	-	18	29	248	1,950	-	18	1	-	-	8	5	274	2,003	2,277
Selangor	3	5	14	41	20	621	1	83	-	-	1	-	-	38	751	789
Johor	-	-	8	2	97	257	2	14	-	3	-	-	-	110	273	383
Pulau Pinang	-	-	3	7	48	276	-	10	-	-	-	-	-	51	293	344
Sabah	3	-	3	9	23	264	-	1	-	-	-	-	-	29	274	303
WP Kuala Lumpur	-	3	-	9	30	169	-	32	2	-	-	-	-	30	215	245
Negeri Sembilan	-	-	2	2	80	139	-	9	-	-	-	-	-	82	150	232
Perak	-	-	14	3	21	177	-	13	-	-	-	-	-	35	193	228
Pahang	-	-	5	-	118	90	3	7	-	-	-	-	-	126	97	223
Kelantan	-	-	21	6	33	137	4	13	-	-	-	-	-	58	156	214
Kedah	-	-	7	7	32	103	6	11	-	-	-	-	-	45	121	166
Melaka	-	-	4	3	34	99	-	10	-	-	-	-	-	38	112	150
Terengganu	-	-	7	2	38	41	-	8	-	-	-	-	-	45	51	96
Perlis	-	-	-	4	5	29	-	7	-	-	-	-	-	5	40	45
WP Labuan	-	-	-	-	12	30	-	1	-	-	-	-	-	12	31	43
WP Putrajaya	-	-	-	3	-	19	-	-	-	-	-	-	-	0	22	22
Jumlah Keseluruhan	6	8	106	127	839	4,401	16	237	3	3	1	8	5	978	4,782	5,760
	14		233		5,240		253		3	4		13		5,760		
	5,740								20							

Nota: * Kategori VOI sehingga 30 September 2021

**JADUAL 6: KES POSITIF COVID-19 YANG DIKESAN VARIAN
OMICRON DI MALAYSIA, MENGIKUT NEGERI
PADA 10 JANUARI 2022**

Bil	Bertolak dari Negara	Negeri Daftar Kes	Warganegara	Tarikh Ketibaan	CT Value	Gejala	Kategori
1	Arab Saudi	Melaka	Malaysia	14 Disember 2021	19.92	Tiada	Cat 1
2	Arab Saudi	Melaka	Malaysia	14 Disember 2021	16.15	Ada	Cat 2
3	Arab Saudi	Melaka	Malaysia	13 Disember 2021	17.44	Tiada	Cat 1
4	Arab Saudi	Melaka	Malaysia	13 Disember 2021	16.47	Tiada	Cat 1
5	Arab Saudi	Kelantan	Malaysia	19 Disember 2021	21.61	Tiada	Cat 1
6	Turki	Sarawak	Malaysia	3 Januari 2022	22.8	Ada	Cat 2
7	-	Sarawak	Malaysia	-	26.47	Ada	Cat 2
8	-	Sarawak	Malaysia	-	20.48	Ada	Cat 2

SITUASI TERKINI KLUSTER COVID-19 MELIBATKAN JEMAAH UMRAH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bermula 25 November 2021 sehingga 11 Januari 2022, terdapat sebanyak **16 kluster melibatkan jemaah umrah yang pulang dari Arab Saudi**. Daripada 16 kluster tersebut, **tujuh (7) kluster melibatkan kes indeks disahkan varian Omicron, enam (6) kluster melibatkan kes indeks *Presumptive Omicron* yang sedang menunggu keputusan *Whole Genome Sequencing (WGS)*, dan tiga (3) kluster melibatkan kes indeks positif COVID-19 bukan varian Omicron.**

Daripada jumlah kluster tersebut:

- empat (4) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Pahang;
- tiga (3) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Kelantan;
- tiga (3) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Kedah;
- dua (2) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Johor;
- satu (1) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Sabah;
- satu (1) kluster melibatkan kes-kes dari Wilayah Persekutuan Labuan;
- satu (1) kluster melibatkan kes-kes dari negeri Pahang dan Johor;
- manakala satu (1) kluster lagi melibatkan kes-kes dari negeri Kedah, Selangor, dan Pulau Pinang.

Kluster Keratong 5 Saudi di Rompin Pahang merupakan kluster dengan jumlah kes yang paling tinggi iaitu 36 kes. Kes indeks bagi kluster ini adalah disahkan varian Omicron dengan dua (2) kes jangkitan import dan 34 kes kontak keluarga. Kes-kes dalam kluster ini merupakan ahli keluarga dari negeri Pahang dan Johor dengan kadar positifiti sebanyak 81.8 peratus. Terdapat dua (2) lagi kluster yang melibatkan jemaah umrah dalam daerah yang sama iaitu **Kluster Rumah Kedai Keratong 5 Saudi** dan **Kluster Keratong 2 Saudi**.

Kluster Rumah Kedai Keratong 5 Saudi melibatkan 9 kes yang terdiri daripada satu (1) kes indeks *presumptive Omicron* yang merupakan kes jangkitan import dan lapan (8) kes kontak keluarga. Kadar positifiti adalah sebanyak 75 peratus.

Kluster Keratong 2 Saudi pula melibatkan 11 kes di mana dua (2) kes merupakan jangkitan import dan sembilan (9) kes adalah kontak keluarga dengan kadar positifiti kluster sebanyak 78.6 peratus. Walau bagaimanapun, kes indeks dari **Kluster Keratong 2 Saudi** ini **bukanlah kes varian Omicron**. **Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)** sedang dilaksanakan di Felda Keratong 5, Rompin, Pahang bermula 6 Januari 2022 hingga 19 Januari 2022 untuk mengekang penularan jangkitan COVID-19 kepada komuniti.

Bagi negeri Kelantan, **Kluster Chiku 01 Saudi** melibatkan 19 kes di mana tiga (3) kes indeks adalah disahkan **varian Omicron** dengan enam (6) kes jangkitan import manakala 13 kes adalah kontak keluarga. Kadar positifiti kluster ini adalah sebanyak 76.0 peratus.

Kluster Kampung Tok Panjang Saudi pula melibatkan 13 kes jangkitan import dan tiga (3) kes kontak keluarga. Kes indeks untuk kluster ini adalah kes **Presumptive varian Omicron** dengan kadar positifiti sebanyak 88.9 peratus.

Kluster Jalan 2 Saudi pula melibatkan enam (6) kes di mana satu (1) kes merupakan jangkitan import dan lima (5) kes merupakan kontak keluarga dengan kes indeks bukan varian Omicron serta kadar positifiti kluster sebanyak 66.7 peratus.

Selain daripada itu, **Kluster Jalan OKK Awang Besar Saudi** dari Wilayah Persekutuan Labuan melibatkan seramai 19 orang dengan 11 kes merupakan jangkitan import dan lapan (8) kes adalah kontak keluarga. Kes indeks merupakan kes **Presumptive varian Omicron** dengan kadar positifiti sebanyak 12.8 peratus.

Di Sabah pula, **Kluster Millenium Saudi** melibatkan 18 kes iaitu 13 kes jangkitan import dan lima (5) kes kontak keluarga.

Kes indeks adalah kes **Presumptive varian Omicron** dengan kadar positifiti sebanyak 30.5 peratus.

Sebanyak **456 individu telah disaring** dalam kluster jemaah umrah ini di mana terdapat **219 kes positif** telah dikenalpasti seterusnya menjadikan kadar positifiti sebanyak **48 peratus**. Daripada 219 kes tersebut, kesemua kes merupakan kategori 1 dan 2, dan sehingga kini tiada kes yang menerima **rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU)**, serta tiada **kematian** yang dilaporkan daripada kluster jemaah umrah ini.

Situasi peningkatan kes daripada kluster jemaah umrah yang dilaporkan ini dianggap **serius dan membimbangkan** kerana berlaku dalam tempoh masa yang singkat serta penularan daripada kes jangkitan import kepada keluarga berlaku dengan cepat.

Punca penularan kes-kes dari kluster ini adalah disebabkan oleh aktiviti semasa melaksanakan umrah yang tidak mematuhi SOP di mana pada masa tersebut tiada amalan penjarakan fizikal, tiada kewajiban pemakaian pelitup muka, serta melibatkan jemaah umrah yang datang dari seluruh pelusuk dunia. Selain itu semasa dikuarantin di rumah selepas pulang dari mengerjakan umrah, terdapat aktiviti yang tidak mematuhi SOP seperti adanya aktiviti kunjung-mengunjung, menziarahi jemaah

atau keluarga yang baru pulang dari tanah suci, serta lain-lain lagi.

Oleh itu, buat masa ini kerajaan telah **menangguhkan sementara** pelaksanaan ibadah umrah oleh rakyat Malaysia untuk memperkemaskan SOP dan memantau kes-kes di seluruh dunia, di Arab Saudi, dan di Malaysia agar penularan COVID-19 khususnya varian Omicron dapat diperlahankan bagi memastikan kapasiti fasiliti kesihatan tidak terjejas.

Adalah menjadi tanggungjawab bagi semua pihak untuk sama-sama mematuhi SOP dan melindungi golongan rentan, khususnya orang tua yang uzur, golongan yang mempunyai penyakit kronik, kanak-kanak, serta golongan kurang daya tahan tubuh dengan tidak mendedahkan mereka dengan jangkitan virus SARS-CoV-2 ini.

Oleh itu, rakyat Malaysia digesa untuk sentiasa mematuhi SOP seperti ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mengamalkan norma baharu serta melaksanakan *Test, Report, Isolate, Inform, and Seek* (TRIIS). Daftarkan diri dan ahli keluarga bagi mendapatkan dos penggalak vaksin COVID-19 bagi mencapai imuniti yang optimum, seterusnya mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk semua lapisan masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN PANDEMIK COVID-19 DAN BENCANA BANJIR

KKM ingin menasihatkan orang ramai supaya:

1. **Memaklumkan status risiko COVID-19** kepada anggota penyelamat sekiranya disahkan positif COVID-19 atau dikenal pasti sebagai kontak rapat agar tindakan sewajarnya dapat diambil semasa proses pemindahan dan penyelamatan;
2. **Sentiasa patuh kepada SOP** dan amalan norma baharu semasa proses pemindahan dan sepanjang tempoh berada di PPS;
 - i. **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit,** dan **sembang** dengan jarak yang dekat);
 - ii. **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**);
dan
 - iii. Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan.
3. **Elakkan dari berkumpul beramai-ramai** dalam kalangan mangsa banjir semasa berada di PPS;
4. **Memakai pelindung diri** semasa operasi memindahkan mangsa banjir dan sewaktu melakukan proses-proses pembersihan pasca banjir;
5. **Pastikan kebersihan diri terjaga** dengan segera membersihkan badan yang terkena air banjir dengan air

bersih dan amalkan mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi kuman atau sabun terutamanya apabila pergi ke tempat menjadi gunasama seperti tandas;

6. **Elakkan diri daripada bermain atau meredah air banjir;**
7. **Sentiasa menjaga kebersihan kawasan PPS** untuk mengelakkan daripada penyakit bawaan vektor;
8. **Elakkan daripada minum air dan makan makanan yang sudah tercemar;**
9. **Sekiranya bergejala, segera dapatkan rawatan** di klinik atau hospital yang berhampiran terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak, wanita hamil, dan juga individu yang mempunyai komorbiditi; dan
10. **Petugas perubatan di semua fasiliti kesihatan perlu lebih berwaspada akan gejala-gejala penyakit** yang sering dikaitkan dengan kejadian banjir seperti yang disebutkan di atas, seterusnya melakukan pemeriksaan yang sepatutnya agar rawatan segera dapat diberikan.

KKM akan sentiasa memantau dan menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan sebaik-baiknya agar penyakit berjangkit akibat bencana banjir terutamanya COVID-19 dapat dibendung. Untuk maklumat lebih lanjut dan kemaskini mengenai info bencana banjir, sila layari laman sesawang <https://infobencanajkmv2.jkm.gov.my/portal/index>

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

11 Januari 2022 @ 7:15 petang